

# *Kita akan lebih teliti di masa depan—Dr. M.*

BH 13 FEB 1976

**K**EMENTERIAN Pelajaran akan bersikap lebih teliti dalam pelaksanaan Sekim Pinjaman Buku Teks di masa depan untuk mengelakkan sebarang penyelewengan.

Menteri berkenaan, Dr. Mahathir Mohamad memandang berat dan serious perbuatan menjual buku-buku teks di bawah sekim tersebut yang di dapati berlaku di Johor.

## **Menjumpai**

Beliau menyeru orangramai guru-guru, khasnya ibubapa murid supaya melaporkan kepada pihaknya jika mendapati perkara seumpama itu berlaku di kawasan mereka.

Dr. Mahathir bercakap kepada para pemberita selepas menerima sumbangan enam buah buku mengenai Perhubungan Awam dari Syarikat Perhubungan Awam Burson-Marsteller.

Buku tersebut untuk kegunaan beberapa buah universiti telah disampaikan oleh Pengerusinya Encik Harold Burson dalam satu upacara ringkas di Kementerian Pelajaran, hari ini.

Menurut Dr. Mahathir, Menteriannya telah menjumpai buku-buku teks yang diberikan

## **K. LUMPUR, Selasa**

percuma dijual di beberapa buah kedai buku persendirian.

Katanya lagi, pihak Menteriannya sedang mengkaji perkara itu dengan teliti dan memastikan siapakah sebenarnya bertanggungjawab dalam penyelewengan itu.

Pihak Kementerian, tambahnya, tidak dapat menghantar pegawai-pegawai untuk menyalat seluruh kedai-kedai buku persendirian kerana kekurangan pegawai.

Menurutnya, Bahagian Biro Buku Teks setakat ini hanya mempunyai 11 orang pegawai sahaja.

"Oleh itu menjadi tanggungjawab bersama orangramai, guru-guru dan ibubapa mengawasi perkara itu dan melaporkan kepada pihak kami," ujarnya.

## **Terpaksa**

Kepada satu pertanyaan, Dr. Mahathir menjelaskan bahawa soal pembahagian buku-buku teks di bawah Sekim Pinjaman terpaksa dilakukan oleh pihaknya sendiri.

"Pihak kami," katanya lagi, "tidak mempunyai Bahagian Penguatkuasa untuk menjalankan penyalatan dalam perkara tersebut."

Menteri Pelajaran itu menegaskan adalah mustahil pihaknya menyalat dengan teliti pendapatan satu-satu keluarga murid sebelum diluluskan pinjaman buku teks kepada anak-anak mereka.

"Sedangkan pihak Jabatan Cukai Pendapatan tidak dapat berbuat demikian kerana tiap tahun ramai yang dapat melepaskan diri membayar cukai pendapatan," ujarnya.

## **Ambilalih**

Menyentuh tentang peperiksaan HSC dan MCE yang pengendallannya akan diambilalih sepenuhnya oleh Kementerian Pelajaran, Dr. Mahathir memberi jaminan bahawa mutunya tidak akan terjejas.

Menurutnya, pihaknya akan sentiasa berhubung rapat dengan pihak Cambridge untuk menjaga dan mengekalkan mutu peperiksaan tersebut.

Bagaimanapun beliau tidak pula menerangkan bilakah tarikh pengambilanalih itu. Sebaliknya beliau berkata, "Segalanya akan diputuskan oleh kabinet."

Menurutnya, sungguhpun mata-mata pelajaran di dalam peperiksaan tersebut akan menggunakan Bahasa Malaysia pada akhirnya, tetapi ini tidak mendatangkan masalah kepada pelajar-pelajar yang melanjutkan pelajaran ke seberang laut.